



# NOTA ASAS FUNDAMENTAL OLEH TOK BOOM MARKING

# Nota Asas Fundamental V1

Semua info dan maklumat di dalam ebook ini adalah **hak milik Gero Azrul International sebagai PUBLISHER** kepada isi kandungan yang digarapkan dalam bentuk penulisan daripada Tok Boom Marking.

Nota ini ditulis dalam bentuk poin poin penting supaya anda mudah hadam.

<https://www.facebook.com/tokboommarking/>

<https://www.facebook.com/roadtofft/>

SEMINAR  
*mudahnya*  
**NEWS**  
Cara Trading News Sebenar!

<http://fundamentalmastery.com/mudahnyanews>



Di dalam news trading, ada 3 website utama yang akan dirujuk untuk tujuan trading dan juga analisis market. Apakah perbezaan antara website ini. Disini saya share kepada anda kelebihan bagi setiap website.

### 1. [Forexfactory.com](https://www.forexfactory.com)

Website ini menyediakan maklumat tentang news yang akan dikeluarkan sepanjang minggu. Kebiasaan website ini menggambarkan keadaan news terkini dengan analisis dibuat bagi data data actual, forecast dan previous. Website ini agak limited dan terhad kepada currency utama sahaja.

### 2. [Investing.com](https://www.investing.com)

Website ini dilihat menyampaikan berita yang bersifat menyeluruh termasuk isu isu lain seperti sukan dan sosial ekonomi. Kelebihan website ini adalah mereka menyampaikan berita dalam keadaan menyeluruh dan bersifat breaking news. Website ini cukup sesuatu untuk bahan bacaan berita ekonomi kerana bahasa yang disampaikan dalam bahasa yang mudah difahami.

### 3. [Tradingeconomics.com](https://www.tradingeconomics.com)

Website ini menyediakan data data serta segala bentuk maklumat tentang news dan juga bersifat menyeluruh. Kelebihan website adalah kita dapat melihat data data lama sebagai rujukan kepada analisis untuk market yang mendatang.



## How to understand EURO QE Monetary.

Gabenor-gabenor bank mempunyai beberapa polisi untuk memantau keadaan ekonomi atau currency itu sendiri. QE(Quantitative Easing) – keberhutangan negara kepada bank pusat, dimana duit tersebut akan dilaburkan untuk mendapat semula pulangan yang lebih tinggi. What is Quantitative Easing?

“Unconventional monetary policy used by some central banks to stimulate their economy. The central bank creates money which it uses to buy government bonds and other financial assets, in order to increase the money supply and the excess reserves of the banking system.”

Bank Governor Monitoring tools , atau bermaksud cara memantau. Terdapat 2 cara utama iaitu

1. Conventional
2. Unconventional

### **Conventional**

Cara konvensional ialah dengan melihat pada Open Market Operation, iaitu dari segi data data ekonomi. Data data ini jika data yang bagus, maka ia akan menguatkan matawang itu sendiri.

Untuk jenis Discount Rate seperti Interest rate, ia boleh menaikkan atau menurunkan rate ikut situasi semasa dalam negara dan ekonomi dunia untuk seimbang.

Antara yang dibuat ialah memastikan Reserve Requirement mencukupi, kerana ia merupakan rizab duit sesebuah negara yang boleh menstabilkan matawang negara terbabit.



## Unconventional

QE adalah kaedah Unconventional, dan baru diperkenalkan sekitar tahun 2007

Istilah lain QE

- . Bond buying program
- . Stimulus package
- . Helicopter money
- . Quantitative Easing
- . New money

Jepun adalah negara pertama melaksanakan QE – disebabkan tsunami. Hanya 4 negara sahaja yang terlibat dengan QE (setakat ini)

- . Jepun
- . US
- . UK
- Euro area

Hutang akan melemahkan currency sesebuah negara. Setiap kali negara berhutang, bermakna akan melemahkan currency sesebuah negara.

Untuk program QE atau yang bersifat seperti ini, tiada tempoh tertentu, tetapi lebih kepada berapa lama program tersebut dipersetujui, sebagai contoh QE Euro akan diketahui dilanjutkan atau tidak, pada MAC 2017.

Mungkin anda tertanya kenapa Tujuan QE?

Negara berhutang dengan Bank, dan peruntukan yang diperolehi akan di agihkan ke sektor/bahagian yang berkenaan untuk menjana semula ekonomi negara tersebut.



QE Euro yang pertama bermula pada 22 Januari 2015. Dan jika anda buka Metatrader dan buka Chart,

Perhatikan, price EURUSD tidak melepasi 1.16, sehinggalah MAC 2017.



Pada Mac 2017 akan ada satu keputusan baru samada untuk meneruskan QE atau tidak.

Jadi apa yang saya cuba sampaikan, apabila berlaku mother candle, ia bermaksud sesuatu keputusan dari Bank Pusat.

Untuk kes Euro anda boleh lihat mother candle adalah candle pada 22 Jan. 2015, rujuk pada chart di atas.

Jadi untuk breakout price 1.16, QE Euro perlu di tamatkan terlebih dahulu. Dari ini dijangka pada March 2017.

Jika anda mahu memahami lebih mendalam, pergi ke Wikipedia dan search QE dan cari Europe untuk maklumat lanjut. Dengan ini, anda akan faham bahawa kekuatan Fundamental amat memainkan peranan dalam teknikal analisis anda pada masa masa tertentu.

Untuk US pula, QE US sudah tamat pada 2014. Tamat sahaja QE, kerajaan akan melaksanakan keputusan untuk mendapatkan semula hasil dari agihan kewangan yang diberikan semasa QE. Sebagai contoh, menaikkan Interest Rate.

Jom kita lihat apa kaitan pula Interest rate dan sebagainya dalam tajuk dibawah.



## Effect Currency pada news

Ini saya sudah siapkan kefahaman yang ringkas tapi memberi kesan luar biasa dalam trading anda nanti.

Apabila berlaku news yang melibatkan kesan dia ialah Minus Interest Rate, Hike Rate, atau melibatkan Good Economy Data maka ia akan menguatkan matawang sesebuah negara.

Dan sebaliknya pula, apabila berlaku Cut Rate, Stimulus Package, Quantitative Easing, Bond, Helicopter Money, Bad Economy Data, Devaluation Currency akan memberikan kesan melemahkan matawang sesebuah negara.

Minus Interest Rate

Hike Rate

Good Economy Data

**Strong Currency**

Cut rate

Stimulus Package

Quantitative Easing

Bond

Helicopter Money

Bad Economy Data

Devaluation Currency

**Weak Currency**





## Study On Mother Candle (Bank Statement Monetary)

Sebelum ini saya ada sentuh mengenai Mother Candle, dalam bab ini saya akan rangkumkan lebih mendalam, apa itu Mothe Candle.

Mother candle (based on stimulus package.) Dalam setahun ada 12 statement Tetapi tidak semua statement menunjukkan arah market, tetapi mungkin juga mengandungi statement yang memberikan Support & Resistant yang kuat.

### Case study untuk mengenal pasti mother candle – USDJPY

- 2 events
  - o 4 April 2013, Bank Of Japan announced that it would expand its asset purchase program by 60 to 70trillion Yen a year.
  - o 31 October 2014, Bank of Japan announced of its bond buying program , to now buy 80 trillion Yen of bond a year.
- Wikipedia – Quantative Easing; cari Japan.
- Pada MT4 menunjukkan, pada 31 October 2014 ada satu candle besar, dan market terus mengikut arah candle tersebut selepas itu.
- Kenaikan ini melebihi 1600++ Pips.



## Ciri - Ciri Mother Candle

- Candle besar
- Shadow lebih kecil dari body candle
- Kebiasaan keluar ketika statement bank
- Antaranya statement FOMC, BOJ dan ECB

## Cara Trading Menggunakan Mother Candle

Jika statement yang keluar menyatakan tiada perubahan(unchanged) dari data/keputusan sebelum, gunakan open price ketika statement yang berkaitan keluar.

### Open Price Bank Statement – Marking Line

- Selain daripada mother candle, open candle ketika open bank statement juga memainkan peranan kepada arah market untuk bulan berikut.
- Untuk tujuan marking, pilih pair XXXUSD untuk pair selain USD, kecuali JPY.
- JPY kita akan gunakan pair USDXXX.
- Untuk mengukur kekuatan currency USD, kita akan merujuk kepada Index USD.

Apa yang menarik dan boleh membantu anda ialah Statement bank menentukan arah market untuk sebulan. Iya sebulan tu..

Dan Statement bank yang Unchange boleh di marking, sebagai S&R, dan ia merupakan Support & Resistant yang kukuh.



Jadi sekarang tugas anda ialah mencari news yang bersifat mother candle.

News yang bersifat mother candle ialah seperti berikut:

- Stimulus package
- Minus Interest Rate

Mother candle biasanya boleh mencecah ke 200pip atau lebih pada satu candle

Dari sudut terma terma yang digunakan ialah seperti Hawkish & Dovish, Statement, & Speech

- Hawkish – meyakinkan, kuat
- Dovish – Kurang meyakinkan, lemah
- Statement – Keputusan dari bank
- Speech – Perbincangan, ada sesi soal jawab

## **Study in Market Sentiment**

Market sentiment merujuk kepada keadaan market yang dipengaruhi oleh sentimen tertentu, antaranya:

- Kesan Monetary Policy
- Data-data penting
- Event besar
- Geologi – Tsunami(seperti yang berlaku kepada Japan), gempa bumi
- Geopolitik – Pemilihan presiden, atau Voting seperti Brexit
- Bank Holiday – Market akan menguat/melemah sehari sebelum Bank Holiday

Setiap bulan akan ada meeting monetary bagi setiap bank utama, contohnya Bank of Japan, Bank of England. Jadi setiap bulan anda mesti waspada dengan news news berkaitan.

News news berkaitan seperti:

- Inflation Rate Forecast
- Minus Interest Rate Decision
- Rate Decision
- Stimulus Package
- Other Framework



Dan data data utama pula ialah seperti:

- Cosumer Price Index(CPI)
- ISM Manufacturing
- Non Farm Payroll(NFP)
- GDP
- Inflation rate
- Rate Decision

#### Event Besar

- FOMC Statement
- BOJ Statement
- ECB Press Conference
- G7
- World Economic Forum : Semua gabenor bank akan berkumpul

Bagi sentimen terbaru seperti Brexit dan Frexit contohnya, market yang sedang jatuh ini akan naik semula selepas isu Brexit dan Frexit ini selesai. Ia tidak bersifat kekal, kerana ia bukanya keputusan dari Gabenor Bank.

Semasa Bank Holiday – Market biasanya akan over react , maknanya mungkin bergerak tiba tiba atau terlampau perlahan bergerak.



## How to Trade NFP

Sebulan sekali akan ada news NFP dan biasanya akan berlaku pada minggu pertama setiap bulan dan pada hari Jumaat sekitar jam 8.30pm - 9.30pm.

NFP atau Non Farm Payroll ini merupakan data yang berkaitan dengan bilangan mereka yang diambil berkerja di Amerika. Dan data ini tidak termasuk data pekerja ladang. Sebab itu ia diletakkan nama NON-FARM.

Data NFP ini akan memberi gambaran kekuatan dan kelemahan sektor pekerjaan di US. Data ini penting dan dikeluarkan oleh Jabatan Buruh Amerika.

Data NFP paling terbaik pernah direkodkan ialah pada September 1983 dan mencapai paras 1100K, dan paling terendah ialah 1900K pada September 1945.

NFP paling popular data ini dibaca di Forex Factory, <http://forexfactory.com> . Apa yang perlu anda fahama ialah terma terma digunakan.

1. Actual - Ini bermaksud data yang dikeluarkan pada hari tersebut, atau semasa.
2. Forecast - ini bermaksud data jangkaan oleh Forex Factory.
3. Previous - ini merupakan data sebelum, data sebelum ini bergantung pula pada data sebulan, kuartar atau tahunan.
4. Terdapat 2 warna utama dalam data Forex Factory, iaitu Green & Red Data,
  - A. Green Data = Data yang baik atau lebih tinggi daripada jangkaan (Forecast)
  - B. Red Data: Data kurang baik atau kurang daripada jangkaan (Forecast)



Antara paling penting ialah anda mesti mengetahui apa itu Deviation. Deviation ialah perbezaan antara data semasa (actual) dan data jangkaan (forecast)

Sebagai contoh, Data Forecast NFP ialah 170K, dan Data Actual ialah 200k. Jadi jelas perbezaan kedua ini,

$200k - 170k = 30k$ , Dan 30k inilah yang kita panggil sebagai Deviation Data.

Deviation terbaik untuk NFP ialah 70k, jika berlaku Deviation berlaku lebih 70k+ bermaksud USD akan menjadi sangat kuat. Dan jika Deviation berlaku kurang daripada 70k - , maka USD akan melemah atau dalam keadaan tidak terlalu kuat atau terlalu lemah. Biasa biasa sahaja.



## 4 Jenis NFP

### Tips 1.

- Jika deviation melebihi 70k, USD strong
- Jika deviation negatif 70k, USD weak
- Dengan SYARAT, data previous tolak data forecast kurang dari 70k
- Jika melebihi 70k, kita akan Sell pair XXXUSD, dan Buy pair USDXXX
- Rujuk tarikh NFP 5 Aug. 2016. 6 Nov. 2015 dan 5 Jun 2015.
- Cadangan entry adalah pada jam 8.35 malam, dengan jangkaan market adalah searah.
- Boleh hold position selama 3 jam

### Tips 2

- Data Forecast – Data Actual < 70k dan
- Data Forecast – Data Previous > 70k
- Contoh:
  - Data Forecast adalah 171k
  - Data Actual adalah 181k
  - Data Previous berubah dari 151k menjadi 101k
  - Maka, Actual – Forecast (181 – 171 = 10k)
  - Previous – Forecast (101 – 171 = 70k)
  - Jika ini berlaku, Data Previous(Hijau) dengan Forecast tolak Previous lebih 70k, kita akan Buy USD.
  - Jika Data Previous Red(merah), Forecast tolak Previous lebih 70k, kita akan Sell USD.
  - Entry jam 9pm dan hold position 3 jam
  - Tarikh yang berkaitan untuk rujukan adalah 4 Dec dan 9 Jan 2015



### Tips 3

- Akan berlaku spike atas bawah ekoran perubahan Data Previous
- Jika :
  - Data Forecast – Data Actual > 70k
  - Data Previous – Data Forecast > 70k

USD akan menguat pada jam pertama, dan melemah pada jam kedua.

- Contoh
  - ♣ Data Forecast pada bulan ini 171k
  - ♣ Data Actual 241k
  - ♣ Data Previous BERUBAH dari 151k menjadi 101k
  - ♣ Maka Actual tolak Forecast(241k – 171k bersamaan 70k)
  - ♣ Previous tolak Forecast(101k – 171k bersamaan 70k)
  - ♣ Jika ini berlaku, spike yang kuat melibatkan 200pips atas bawah
  - ♣ Rujuk NFP bertarikh 8 Julai 2016
  - ♣ Cadangan Entry pada jam 8.35pm dan 9.05pm dengan keadaan arah yang berlawanan
  - ♣ Hold position 1 jam sahaja.

### Tips 4

- Jika perbezaan antara :
  - ♣ Data Forecast – Data Actual < 70k
  - ♣ Data Forecast – Data Previous < 70k
- Kita akan fokus kepada PERUBAHAN WARNA pada Data Previous dan Data Actual

Jadual Bacaan Warna Untuk tahu lebih cepat kesan pada pasaran.

<b>Data Actual</b>	<b>Data Forecast</b>	<b>Data Previous</b>	<b>Market</b>
Red	Black	Black	<i>Weak</i>
Green	Black	Black	<i>Strong</i>
Green	Black	Green	<i>Weak</i>
Red	Black	Red	<i>Strong</i>
Red	Black	Green	<i>Strong</i>
Green	Black	Red	<i>Weak</i>

- Cadangan entry pada 9pm
- Hold position 2 jam sahaja.
- Tarikh NFP untuk rujukan adalah pada 6 May 2016, 4 Sept 2015 dan 9 Jan 2015.

Versi 2.0 Revise dan Updated dikeluarkan nanti.

Pastikan anda berikan nama, emel anda di

<http://fundamentalmastery.com/asas/>

